

40 KAPSUL Terapi Hati

IBRAHIM AL RIFA'I





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

40 Kapsul TERAPI HATI

Oleh:
IBRAHIM AL-RIFAI

Penterjemah:
Dedy Rachmad



DARUL NUMAN

<http://www.darulnuman.com>

E-mail: admin@darulnuman.com

PUSTAKA PERDANA



1012103

©**HAKCIPTA TERPELIHARA.** Tidak dibenarkan mengeluarkan
mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini
dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun samada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain
sebelum mendapat izin bertulis dari penerbit.

Cetakan Pertama: 2011

Penerbit:



DARUL NU'MAN
15A, Tkt. Satu, Wisma Yakin,
Jalan Masjid India,
50100 Kuala Lumpur.

Pengedar:
ERFAN HJ. M. A. GHANI
15A, Tingkat 1, Wisma Yakin,
Jalan Masjid India,
50100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-26988495
Fax: 03-26914489

Pencetak:
Percetakan Putrajaya Sdn Bhd
No 468, Jln 7/10, Kaw. Perindustrian Nilai 7,
71800 Nilai, Negeri Sembilan D.K.

KATA PENERBIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

SEGALA pujian bagi Allah SWT, Pemilik sekalian alam dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda, sahabat-sahabat r'anhum dan sesiapa yang mengikuti mereka dengan ikhlas hinggalah ke hari kiamat.

Syukur kepada Allah SWT kerana dengan taufiq dan inayahNya, telah mengizinkan kami menerbitkan buku ini; “**40 Kapsul Terapi Hati,**” serta meneruskan usaha menerbit dan menyebarkan bahan-bahan bacaan terkini yang bermanfaat serta sesuai untuk keperluan semasa dalam kehidupan umat Islam sejagat.

Besar harapan kami semoga buku ini akan memberi manfaat dan bimbingan kepada sekalian Muslimin dan Muslimat agar

memperolehi ilmu untuk menghadapi cabaran bagi meneruskan kehidupan di dunia ini serta mendapat keredhaan Allah SWT di akhirat kelak. Insha Allah.

Sebarang kesilapan harap dimaafkan dan kami meminta keampunan Allah SWT atas yang sedemikian itu kerana tiadalah daya dan upaya melainkan dengan pimpinan dan pertolonganNya.

Teguran yang membina adalah amat dialu-alukan.

Sekian. *Wa billahi taufiq wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakaatuh.*

Penerbit,

DARUL NU'MAN

KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, berkat rahmat dan izin Allah SWT, kami dapat menyelesaikan terjemahan buku bertajuk *Halat Ahli al-Haqiqah ma'allah* (Keadaan Ahli Hakikat Bersama Allah) karya Imam Ahmad Rifa'i, seorang imam dan pembesar kaum yang dihormati pada zamannya.

Secara ringkas, buku ini membincangkan tentang cara atau metod yang sesuai bagi sesiapa yang inginkan sesuatu yang hak dan mengetahui tentang hakikat makrifat. Selain menyentuh soal hati mengikut sunnah Nabi Muhammad SAW, buku ini banyak memaparkan kisah-kisah ahli makrifat dan ahli sufi semenjak zaman para Nabi lagi. Keunikan buku ini, selain disusun dengan gaya bahasa yang indah, terdapat ayat-ayat yang dikutip daripada kitab-kitab Allah sebelum al-Quran.

Berdasarkan kandungan dalam buku ini, penterjemah telah mengubahsuai tajuk asal kepada “40 Kapsul Terapi Hati” yang disifatkan lebih mudah untuk difahami. Kajian dalam buku ini merangkumi 40 hadith yang diambil dan dipilih daripada majlis ilmu yang diadakan oleh Imam Rifa’i bersama para sahabat dan murid-muridnya.

Harapan kami, semoga buku ini bermanfaat kepada pembaca sekalian, khususnya dalam mengingatkan kembali tentang kesufian yang sekarang ini semakin dilupakan. Kepada penerbit yang bersedia untuk mencetak buku ini diucapkan terima kasih. Mudah-mudahan segala amal dan ikhlas kita dapat diterima oleh Allah SWT, amin.

Wassalam,

Penterjemah;

DEDY RACHMAD

KANDUNGAN

Kata Penerbit	i
Kata Pengantar	iii
Prakata Penulis	1
Mukadimah	11
KAPSUL 1: Hati yang Redha	15
KAPSUL 2: Makrifat Kepada Allah	28
KAPSUL 3: Roh Makrifat	33
KAPSUL 4: Ahli Makrifat	39
KAPSUL 5: Amalan Makrifat	51
KAPSUL 6: Keadaan Makrifat	59
KAPSUL 7: Hukum-hakam Makrifat	71
KAPSUL 8: Isyarat Makrifat	79
KAPSUL 9: Kalam Makrifat	87
KAPSUL 10: Ilmu Makrifat	93
KAPSUL 11: Cinta Pada Pencipta	102
KAPSUL 12: Rahsia Ilmu Pencipta	109
KAPSUL 13: Keinginan Pada Pencipta	120

KAPSUL 14: Maksud Kepada Pencipta	130
KAPSUL 15: Sunah Junjungan Mulia	138
KAPSUL 16: Cintai Sahabat dan Keluarga Insan Mulia	145
KAPSUL 17: Syukur Kepada Allah	155
KAPSUL 18: Zikir Kepada Allah	164
KAPSUL 19: Tabiat Ahli Makrifat	173
KAPSUL 20: Iltizam Dengan Sunah	180
KAPSUL 21: Akhlak Mulia	187
KAPSUL 22: Jauhi Sifat Durjana	195
KAPSUL 23: Belajar dan Beramal Dengan Kalam Pencipta	205
KAPSUL 24: Metod Sufi	217
KAPSUL 25: Ikhlas Dalam Amalan	225
KAPSUL 26: Menunaikan Ibadat Fardhu dan Sunah	232
KAPSUL 27: Mencintai Kekasih dan Insan Mulia	243
KAPSUL 28: Memohon Perlindungan Daripada Pencipta	247
KAPSUL 29: Keagungan Kalimat Tauhid	259
KAPSUL 30: Munajat Kepada Yang Esa	268
KAPSUL 31: Sifat Orang Sufi	279
KAPSUL 32: Berkasih Sayang	290
KAPSUL 33: Amalan Untuk Pencipta	301
KAPSUL 34: Meniru Akhlak Insan Mulia	308
KAPSUL 35: Menegakkan Sunah	319
KAPSUL 36: Rahsia Petunjuk Dalam Dakwah	324
KAPSUL 37: Mengekang Hawa Nafsu	329
KAPSUL 38: Kewajipan Berkasih Sayang	339
KAPSUL 39: Kedudukan Kasih Sayang Di Sisi Pencipta	348
KAPSUL 40: Berusaha Dalam Amalan	355

PRAKATA

PENULIS

SEGALA puji bagi Allah yang telah memilih tingkatan wali kepada orang-orang tertentu. Kesempurnaan tingkatan wali mereka tidak dapat difahami oleh jangkauan akal cendekiawan. Catatan serta akal manusia tidak mampu menghitung anugerah Allah yang telah diberikan kepada wali-waliNya berupa anugerah kesucian dan kasih sayang.

Mengapa tidak? Mereka adalah pemilik inti kehidupan. Aturan-aturan anugerah kesucian dan kasih sayang tersebut mengelilingi mereka. Kubah-kubah mereka tidak ada hijabnya. Seandainya mereka mahu menyingkap alam ghaib dan suara hati yang halus, nescaya mereka akan mendapat bintang kartika dan ketinggian *Sidratul Muntaha*.

Selawat dan salam ke atas manusia pertama yang mencapai tingkatan kesucian dan gemerlap jiwa bagaikan mutiara yang berlapis cahaya yang megah. Engkau telah menjadi Nabi ketika Adam masih berada di antara air dan tanah. Engkau yang mendapat petunjuk cakerawala kerahsiaan sehingga engkau mengetahui ilmu mereka yang terdahulu dan ilmu mereka yang

terkemudian. Beliau adalah Nabi Muhammad SAW yang bergelar *al-Amin* (yang jujur dan dapat dipercayai) yang kepadanya diturunkan ayat berikut, firman Allah dalam Surah Yunus ayat (62):

أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٦٢﴾

“Ketahuilah! Sesungguhnya wali-wali Allah, tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita.”

(Yunus: 62)

Selawat dan salam juga dilimpahkan ke atas ahli keluarga dan para sahabat Rasulullah SAW sebagai wira pada zaman kegelapan dan kebodohan, serta para pecinta dan pengikut baginda sejak dahulu sehingga sekarang.

Kami amat berbangga dapat menghadirkan kepada pembaca sebuah buku perjalanan mulia, iaitu buku tentang keadaan ahli hakikat bersama Allah yang telah ditulis oleh Imam Ahmad al-Rifa‘i RA, salah seorang pembesar kaum pada zamannya. Buku ini adalah hadiah dari beliau kepada mereka yang ingin mendapat keuntungan.

Buku ini ditulis dan disusun dengan nama, sebutan dan keindahan lafaznya, serta kebenaran makna yang terkandung di dalamnya. Buku ini juga menepati maksud yang terkandung, dan menambah, menjelas serta mendahulukan kebenaran daripada perkara-perkara yang hak.

Dalam syairnya, Imam Rifa‘i menyebutkan bahawa buku ini adalah cahaya bagi mereka yang diberikan kecukupan oleh Allah, dan kata-kata yang terkandung di dalamnya dapat menerangi hati mereka yang keruh dan hati yang selalu berada dalam kesedihan

dan kecemasan.

Bagi para pembaca sekalian, buku ini dapat memberikan ketenteraman kepada jiwa dan banyak hakikat-hakikat pada zaman di mana orang ramai melupakan kesufian. Zaman di mana ramai manusia menceburkan diri mereka ke dalam pembobongan. Mereka adalah orang-orang yang tergolong ke dalam kumpulan *salafiat al-khawarij* (golongan orang-orang sufi yang sekular), dan lainnya. Mereka mempunyai latar belakang agama dan menyeru manusia kepada tauhid tetapi mereka sendiri tidak *mentadabburi* ayat-ayat Allah, bahkan mengolok-olokkannya. Mereka adalah orang-orang yang tidak mempercayai perkara-perkara ghaib dan berpegang teguh kepada hakikat sesuatu berdasarkan kepada pengetahuan mereka yang kurang.

Mereka membuat kerosakan dengan mendatangkan ayat-ayat daripada orang kafir dan mendahulukan ajaran tersebut tanpa pemahaman yang jelas. Mereka juga selalu mencari-cari kesalahan orang Islam dalam mengambil hukum untuk digantikan dengan hukum orang kafir, serta menghalalkan kebiasaan, harta benda dan darah bagi tujuan kesesatan.

Mereka dengan sengaja menghidupkan sunnah nenek moyang mereka (sunnah golongan *al-khawarij*) untuk diamalkan oleh orang Islam. Selain itu, mereka juga tidak senonoh terhadap para ulama. Tidak ada perkara yang benar bagi mereka kecuali perkataan nenek moyang mereka dan pemimpin-pemimpinnya. Mereka juga meragui kebenaran hadith-hadith Rasulullah SAW. Menurut mereka, hadith-hadith tersebut tidak mendatangkan kemaslahatan dan merupakan sesuatu yang hina.

Puji serta syukur kepada Allah yang tidak membuat kita meninggalkan Rasulullah SAW di saat kita mengenal dan mengetahui jemaah tersebut. Berdasarkan perkara di atas, Imam

‘Ali *Karramallahu Wajhah* berkata bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

سَيَخْرُجُ قَوْمٌ فِي آخِرِ الزَّمَانِ حُدَثَاءُ الْأَسْنَانِ سُفَهَاءُ الْأَخْلَامِ
يَقُولُونَ مِنْ خَيْرِ قَوْلِ الْبَرِيَّةِ لَا يُجَاوِزُ إِيمَانَهُمْ حَنَاجِرَهُمْ
يَمْرُقُونَ مِنَ الدِّينِ كَمَا يَمْرُقُ السَّهْمُ مِنَ الرَّمِيَةِ فَأَيْنَمَا
لَقِيتُمُوهُمْ فَاقْتُلُوهُمْ فَإِنَّ فِي قَتْلِهِمْ أَجْرًا لِمَنْ قَتَلَهُمْ يَوْمَ
الْقِيَامَةِ. ﴿رواه البخارى﴾

“Akan keluar pada akhir zaman satu kaum yang pandai berkata-kata tetapi keinginan mereka amat buruk. Mereka berkata-kata dengan sebaik-baik perkataan manusia, namun keimanannya hanyalah setakat kerongkong sahaja. Mereka akan terlepas dari agama laksana anak panah yang dilepaskan dari busurnya. Walau di mana kamu dapati mereka, maka bunuhlah mereka, kerana sesungguhnya sesiapa yang membunuh mereka akan diberikan ganjaran di hari kiamat.”

(HR. Imam Bukhari)

Akan tetapi perkara tersebut bukan sebagaimana yang mereka sangkakan. Firman Allah dalam Surah Ali ‘Imraan ayat 104:

وَلَتَكُنَّ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْعُرْفِ وَيَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan

menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

(Ali ‘Imraan: 104)

Rasulullah SAW juga telah bersabda:

فِي كُلِّ خَلْفٍ مِنْ أُمَّتِي عُدُولٌ مِنْ أَهْلِ بَيْتِي يَنْفُونَ عَنْ هَذَا
الدِّينِ تَحْرِيفَ الضَّالِّينَ وَانْتِحَالَ الْمُبْطِلِينَ وَ تَأْوِيلَ
الْجَاهِلِينَ أَلَا وَإِنَّ أَيْمَتَكُمْ وَفَدَكُمْ إِلَيَّ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ
فَانظُرُوا مَنْ تَوْفَدُونَ. ﴿أَخْرَجَهُ الْمَلَا فِي سِيرَتِهِ﴾

“Pada tiap-tiap generasi daripada umatku terdapat orang-orang yang adil dari ahli keluargaku. Mereka akan membersihkan agama ini dari pemesanan orang-orang yang sesat, penyelewengan orang-orang yang batil serta tafsiran orang-orang yang bodoh..... Ingatlah, pemimpin-pemimpin kamu adalah utusan kamu (untuk membawa kamu) kepada Allah. Oleh itu perhatikanlah siapa yang akan menjadi utusan bagimu.”

(Dikeluarkan oleh al-Malaa dalam sirahnya)

Imam Ahmad al-Rifa‘i adalah salah seorang daripada orang-orang tersebut yang telah meninggikan tiang dakwah secara murni. Beliau telah memberikan petunjuk kepada manusia melalui perkataan, perbuatan dan keadaan serta membimbing mereka kepada jalan kebenaran.

Ramai pembesar-pembesar umat dan juga para ulama yang memperkatakan tentang Imam Ahmad al-Rifa‘i. Mereka berkata bahawa Imam Ahmad al-Rifa‘i adalah seorang yang gagah berani,

penemu berbagai cahaya, mempunyai hati yang sentiasa bersinar. Beliau juga adalah seorang yang mempunyai pengetahuan yang cemerlang dan gemilang, lemah lembut dan mempunyai cita-cita yang tinggi.

Imam Ahmad al-Rifa‘i mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam kehidupan bermasyarakat dan sumber ilmu dalam setiap majlis pada zamannya pada setiap tingkatan serta kedudukan. Beliau adalah seorang yang berkedudukan tinggi, dermawan serta murah hati. Beliau dicipta Allah dengan banyak kelebihan seperti hatinya yang boleh melihat, tangan yang mendatangkan banyak keajaiban, lisan yang selalu bercakap tentang perkara-perkara yang ghaib sehingga ramai orang menjadikannya sebagai contoh dan tauladan bagi kaum Muslimin.

Imam Ahmad al-Rifa‘i merupakan seorang pembesar yang boleh diterima oleh berbagai kaum dengan sangat luar biasa. Beliau adalah seorang pemimpin tarekat, baik secara keilmuan, perbuatan, mahupun hakikat dalam memahami segala perkara. Beliau juga merupakan imam bagi para pemimpin pada zamannya, serta pendidik bagi para pendakwah. Imam Ahmad Rifa‘i RA telah sampai pada tingkatan yang sangat tertinggi dalam bidang syariat dan ilmu kebatinan.

Imam al-Qalyubi berkata bahawa Imam Ahmad Rifa‘i RA menjadi tempat rujukan bagi para syeikh pada zamannya. Dalam syairnya beliau menjelaskan:

Mereka sangat kagum kepada Imam Rifa‘i,

Sebagaimana mulianya baginda Rasulullah SAW di kalangan para Rasul,

Mereka umpama sarung manakala Imam Rifa‘i adalah pedangnya,

Sebagaimana para Rasul umpama pakaian dan Nabi Muhammad adalah kain yang mereka pakai.

Syeikh Mansur al-Bataihi (Allah mensucikan rahsianya) berkata: “Aku melihat Rasulullah SAW dalam tidurku. Kemudian Rasulullah bersabda kepadaku: “Hai Mansur! Aku sampaikan khabar gembira kepadamu. Sesungguhnya Allah Taala memberikan kepada saudara perempuanmu setelah 40 hari nanti seorang anak bernama Rifa‘i. Sebagaimana aku diutus menjadi pemimpin bagi para Nabi, seperti itulah Imam Rifa‘i yang akan menjadi pemimpin bagi para wali. Ketika besar nanti, ambillah dia dan pergilah bersamanya kepada Syeikh al-Qari‘i al-Wasiti. Selanjutnya tinggalkan dia bersama syeikh tersebut agar beliau dididik, kerana anak muda itu pada pandangan Allah adalah seorang yang sangat mulia. Janganlah kamu lupakan pemuda tersebut.” Berkata Syeikh Mansur: “Itu adalah perintahmu wahai Rasulullah! Semoga keselamatan sentiasa bersamamu.”

Syeikh al-Qalyubi RA juga berkata: “Selepas Syeikh Mansur meninggal dunia, Imam Rifa‘i hidup bersendirian. Pada zamannya, tidak ada seorang pun yang boleh menyamai beliau dari segi akhlak, tabiat, ketinggian nasab dan juga kemuliaan sebagai pengikut Rasulullah SAW.¹

Perkara tersebut wahai sahabat-sahabat yang tercinta membuktikan kebenaran perkataan terdahulu seperti disebutkan sebentar tadi terhadap cerita-cerita yang mulia lagi berkat yang pernah ada pada satu ketika dahulu dari satu generasi kepada generasi yang lain. Ia diceritakan kembali oleh para ahli dan juga para muhaddith.

Sebagai contoh adalah kisah yang terjadi pada tahun haji

1. Dalam buku *Tuhfah al-Raghibun* oleh Imam al-Qalyubi.

yang penuh berkat. Ketika itu Imam Rifa'i berhenti menghadap ruangan pekuburan Rasulullah SAW. Beliau mengucapkan selawat dan salam kemuliaan ke atas baginda. Peristiwa tersebut terjadi pada tahun 555 Hijrah. Imam Rifa'i berkata: "Keselamatan ke atas engkau wahai Datuk." Rasulullah SAW menjawab: "Keselamatan juga ke atas kamu hai anakku." Selepas itu Imam Rifa'i RA merangkak dengan kedua lututnya, lalu berdiri sambil berkata:

Dalam keadaan diriku yang jauh darimu,

Aku mengirim rohku untuk mencium bumi sebagai pengganti diri,

Telah datang negeri khayalan,

Oleh itu keluarkanlah tangan kananmu supaya bibirku boleh mendapat keberkatan dengan mencium tanganmu.

Ketika itu terbelahlah dinding pekuburan Rasulullah SAW dan dari dalam kelihatan tangan baginda keluar dan menyalami Imam Rifa'i. Ramai orang yang melihat kejadian tersebut yang diumpamakan seperti matahari dengan kemegahannya yang tidak ada perselisihan dan juga pembelaan.

Imam Siraj al-Din al-Rifa'i al-Makhzumi RA yang bergelar Syeikh al-Islam memperkatakan tentang Imam Rifa'i melalui syairnya:

Umat manusia memuji Imam Rifa'i,

Lantaran peristiwa suci ketika beliau mencium tangan baginda Rasulullah,

Dan dari kemuliaan salasilah yang sangat jelas kepada Rasulullah,

Sehingga apabila orang-orang menyebut Imam Rifa'i,

Maka mereka mengingat Nabi Muhammad SAW.

Berkata Sayyid ‘Izz al-Din: “Kisah keluarnya tangan Rasulullah SAW ke atas Imam Rifa’i RA adalah lebih terang berbanding sinar matahari dan lebih jelas berbanding terbitnya waktu subuh. Itulah peristiwa mulia yang dikenal di kalangan masyarakat Arab dan juga bukan Arab. Ramai para pemimpin umat ketika itu, baik dari kalangan ahli akidah yang berdekatan mahupun yang jauh saling mengucapkan selamat kepada Imam Rifa’i.

Buku ini telah ditertibkan kepada 40 hadith yang dikumpulkan dari setiap majlis Imam Ahmad al-Rifa’i RA. Majlis tersebut adalah majlis ilmu yang beliau selenggarakan bersama rakan-rakan dan para muridnya. Majlis tersebut dipenuhi dengan nasihat serta keterangan daripada Imam al-Rifa’i yang membincangkan tentang cara bagi mencapai hakikat dan rahsia Allah SWT.

Buku ini juga merupakan buku yang sangat jarang dijumpai. Wajib ke atas para pecinta sekalian untuk memilikinya. Di samping manfaat yang sangat besar, setiap huruf dalam tiap-tiap ayat mengandungi rahsia kebaikan dan juga kenikmatan daripada Allah SWT. Manfaat tersebut boleh menerangi jiwa orang yang membacanya dan juga menghapuskan segala penyakit yang ada pada dirinya.

Ramai orang yang tidak mengetahui tentang perkara tersebut melainkan sedikit sahaja daripada mereka yang menginginkan kerinduan hati. Hadith empat puluh tersebut adalah hadith-hadith pilihan Imam Rifa’i yang dijelaskan oleh beliau sendiri. Di dalam hadith-hadith tersebut dijelaskan tentang keadaan ahli hakikat bersama Allah. Adapun keterangan-keterangan yang disampaikan oleh Imam Rifa’i diambil, sama ada daripada syeikh-syeikh beliau terdahulu dengan *sanad-sanad* yang sah,

iaitu mereka dari kalangan para sahabat yang berhubung langsung dengan Rasulullah SAW atau diambil melalui riwayat daripada pendahulu-pendahulu beliau yang *sanadnya* bersambung tanpa terputus kepada Rasulullah SAW.

Perkara-perkara tersebut pada dasarnya telah dijelaskan dalam kitab yang diberi nama *al-Sahifah al-Nadirah* yang di dalamnya disebut dan dijelaskan tentang empat puluh hadith berikut dengan *matamya*, namun tidak disertai dengan penjelasan sekali. Di dalamnya pula dikemukakan tentang kisah masuknya Imam Rifa‘i dalam keredhaan, sebagaimana diceritakan oleh ahli sejarah Naisabury tentang pentingnya *sanad* yang bersambung dengan para ahli bait (keluarga Rasulullah SAW). Perkara tersebut adalah penting bagi kita dalam menjaga setiap manfaat yang akan diambil oleh kaum Muslimin. Oleh itu, buku ini kami terbitkan kepada para pembaca yang ingin mendapatkan satu pengetahuan baru.

Dengan itu, marilah sama-sama kita memanjatkan taufik dan keikhlasan kepada Allah SWT agar perkataan dan perbuatan kita sentiasa mendapat redhaNya. Segala puji bagi Allah Tuhan seluruh alam semesta.

Ibrahim al-Rifa‘i

MUKADIMAH

BERKATA al-Sayyid Muhyi al-Din Ahmad al-Akhdar, ibn al-Sayyid Salman, ibn al-Sayyid Ahmad, ibn al-Sayyid Sulaiman (seorang yang luas akal fikirannya) ibn al-Sayyid Ibrahim, ibn al-Sayyid Abi al-Ma‘ali ‘Abd alMun‘im, ibn al-Sayyid Abi al-‘Abbas Ahmad al-Batayihi (seorang pemimpin yang berani lagi dermawan ketika beliau di Wasit) al-Rifa‘i al-Husaini RA yang bergelar al-Syeikh al-Imam dan daripada pendahulu-pendahulu beliau yang suci:

“Aku menjumpai kitab *Halat Ahli al-Haqiqah ma‘allah* di tempat kediaman Ummu ‘Abidah pada tahun 549 H. Kitab yang mulia tersebut adalah kitab yang tiada bandingan, yang disusun daripada empat puluh majlis yang diadakan pada setiap hari Khamis. Majlis yang pertama kali diadakan adalah pada hari Khamis di bulan Rejab tahun 549 H.”

“Berdasarkan maklumat dari kumpulan pemimpin yang paling tinggi, sultan para wali dan juga ahli makrifat, para pentadbir negara dan para pentadbir syariat agama telah tersebar khabar tentang keluarnya tangan Rasulullah SAW kepada syeikh kami Imam Ahmad al-Rifa‘i al-Husaini al-Hasani al-Ansari al-Kabir

RA, pemimpin dan pembimbing kami kepada jalan Allah.”

“Beliau adalah seorang pengajar tarekat yang telah banyak menyumbangkan ilmu kepada kami dan juga kepada kaum Muslimin. Beliau juga adalah seorang yang istiqamah dan mengisi di dalam hati para muridnya kewajiban tentang metod ahli keselamatan. Aku telah mengetahui sedikit sebanyak tentang Imam Rifa‘i dalam 40 majlis yang beliau adakan, iaitu selepas mengambil ijazah daripada Syams al-Din, guruku dan juga pemimpinku yang bernama lengkap Ahmad alMusta’jil ibn al-Rifa‘i RA.”

Berkata Syams al-Din ketika berada di kediaman Ummu ‘Ubaidah: “Aku telah mengetahui tentang Imam Rifa‘i dalam 40 majlis selepas mendapat kelulusan daripada Najm Imam al-Din Ahmad ibn al-Rifa‘i RA (datukku dari sebelah ibu) yang bergelar al-Sayyid al-Qutb al-‘Arif billah, daripada Abu Ishaq al-Sayyid Ibrahim al-A’zab RA, daripada al-Sayyid Ahmad al-Rifa‘i RA, seorang guru yang mulia, pemimpin para wali dan juga ahli makrifat.”

“Aku juga telah mendengar tentang Imam al-Rifa‘i daripada Abu Syuja’ bin Manjah al-Syafi‘i RA yang bergelar al-Syeikh al-‘Arif billah al-Faqih, daripada ‘Afif al-Din Abu Talib al-Muqri al-Sufi yang bergelar al-Syeikh al-Faqih, daripada Abu Talib bin ‘Abd al-Sami’ al-‘Abbasi al-Hasyimi yang bergelar al-Syeikh al-‘Arif al-‘Alim Syarf al-Din, daripada Abu Syuja’ bin Manjah al-Syafi‘i al-Wasiti yang bergelar al-Qadi al-Syeikh al-Salih, al-Faqih al-Jalil, daripada al-Sayyid Ahmad Muhyi al-Din al-Kabir al-Rifa‘i al-Husaini RA.”

“Dan kami mendapatkan izin daripada al-Syeikh ‘Afif al-Din untuk membaca buku *al-Burhan alMuayyid* yang di dalamnya adalah kumpulan kalam Sayyid Ahmad al-Rifa‘i RA, daripada

Syarf al-Din bin ‘Abd al-Sami‘ al-‘Abbasi *rahimahullah*, daripada Syarf al-Din yang bergelar al-Syarif, daripada sahabat al-Imam al-Rifa‘i RA. Dan kami juga mendapat izin untuk membaca buku *al-Hikam al-Ahmadiyyah* dengan *sanad* daripada al-Syeikh ‘Afif al-Din, daripada al-Syeikh Syarf al-Din, daripada bapanya al-Syarif ‘Abd al-Sami‘ al-Hasyimi al-Wasiti, daripada Sayidina al-Sayyid Ahmad al-Rifa‘i RA (redha Allah ke atas mereka sekalian).”

Berkata al-Sayyid Ahmad Muhyi al-Din Abu al-‘Abbas al-Kabir al-Rifa‘i al-Husaini, ibn al-Sayyid Abi al-Hasan ‘Ali, ibn al-Sayyid Yahya, ibn al-Sayyid al-Tsabit, ibn al-Sayyid ‘Ali al-Hazim Abu al-Fawaris, ibn al-Sayyid Ahmad, ibn al-Sayyid ‘Ali, ibn al-Sayyid al-Hasan, ibn al-Sayyid al-Mahdi, ibn al-Sayyid Abi al-Qasim Muhammad, ibn al-Sayyid al-Hasan, ibn al-Sayyid al-Husain, ibn al-Sayyid Ahmad, ibn al-Sayyid Musa al-Tsani, ibn al-Sayyid Ibrahim alMurtada, ibn al-Imam Musa al-Kazim, ibn al-Imam Ja’far al-Sadiq, ibn al-Imam Muhammad al-Baqir, ibn al-Imam Zain al-‘Abidin ‘Ali, ibn Abi ‘Abd Allah al-Imam al-Husain (yang mati syahid di Karbala) RA:

Puji syukur kepada Allah yang dengan pujiNya dibukakan kepada kami hijab dan dengan pujiNya kami termasuk dari golongan para kekasih. Kami naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, yang tiada sekutu bagiNya. Dan kami juga naik saksi bahawa Muhammad adalah pesuruh Allah, kekasih dan ahli sufiNya.

Baginda adalah sebaik-baik makhluk yang diutus oleh Allah dengan cahaya yang berkilauan. Baginda telah menyampaikan risalah, melaksanakan amanah, menjelaskan sunnah, mengasaskan syariat, memberi nasihat kepada umat Islam dan menyembah Allah sehingga datang kepadanya keyakinan. Selawat Allah ke

40 KAPSUL Terapi Hati

HATI, terlindung di sebalik rongga dada. Pengaruhnya menyebarkan ke setiap anggota badan, merangkumi segala sifat dari kebaikan mahupun kejahatan. Boleh dilentur menjadi selembut sutera atau mengerikil laksana batu yang berakhir dengan kebinasaan dan kesengsaraan selamanya.

Demi menjaga hati, Pencipta Yang Maha Esa menggariskan panduan yang terzahir dari lisan insan mulia agar manusia tidak sesat dalam kegelapan. Hati masih lagi mampu dididik selagi nyawa masih tersisa. Akan terbuka ruang taubat dan kemaafan selagi manusia masih lagi ingin meraih kasih sayang dan keredhaan Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

40 Kapsul Terapi Hati, berupaya melahirkan ketaatan dan keredhaan agar mendapat barakah serta rahmat dari Pemilik Seluruh Alam, insya Allah.

ISBN 983.046.471.7



9789830464718



<http://www.darulnuman.com>